

*Ceritera di
Alam Melayu*

MANUSKRIP DAN NASKHAH AWAL

PANDUAN PAMERAN


18 OGOS 2017 – 25 FEBRUARI 2018



NLB

National Library
Singapore

PELAN PAMERAN



- 1 **PENGENALAN**
- 2 **DUNIA MANUSKRIP MELAYU**
- 3 **PASARAN BAGI MANUSKRIP**
- 4 **DARIPADA YANG TERTULIS KEPADA YANG TERCETAK**
- 5 **KISAH-KISAH MALAR SEGAR**



PENGENALAN



Bahasa Melayu telah memainkan peranan penting dalam dunia maritim Asia Tenggara. Berabad lamanya, ia menjadi bahasa perdagangan dan diplomasi, menghubungkan masyarakat yang berlainan bahasa untuk bertutur antara satu sama lain di dalam dan luar rantau Asia Tenggara. Penggunaan bahasa Melayu secara meluas ini boleh dikaitkan dengan keistimewaan bahasanya – sebutan dan tatabahasanya yang mudah serta lentur agar bersesuaian dengan perkataan-perkataan yang baru. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa kesusasteraan dan bahasa bagi wacana Islam di rantau ini.

Dalam pameran **Ceritera di Alam Melayu: Manuskrip dan Naskhah Awal** ini, ikuti karya-karya persuratan Melayu tradisional yang masih bertahan dalam bentuk manuskrip, untuk memahami masyarakat yang telah menghasilkan dan membaca naskhah-naskhah tersebut. Kebanyakan daripada manuskrip-manuskrip ini ditulis dalam huruf Jawi. Saksikan juga kesan percetakan terhadap tradisi manuskrip dan pertumbuhan industri percetakan Melayu/Islam pada akhir abad ke-19 di Singapura. Walaupun proses percetakan akhirnya membawa kepada kepupusan tradisi manuskrip Melayu, beberapa hikayat masih lagi kekal digunakan hingga ke hari ini.

Mari, kenali dunia ceritera Melayu.



Peta daripada kamus Bahasa Melayu – Inggeris (1701) oleh Thomas Bowrey.



Pemahaman kita tentang manuskrip Melayu bergantung kepada naskhah yang masih wujud hingga ke hari ini. Hampir kesemua manuskrip Melayu yang ditemui telah ditulis dalam aksara Jawi, kecuali beberapa naskhah yang ditulis dalam aksara Sumatera Selatan. Islam memainkan peranan penting dalam perkembangan penulisan sastera Melayu. Ini dapat dilihat dalam teks manuskrip yang menggunakan beberapa perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab seperti kertas, dakwat dan kalam.

Manuskrip Melayu merangkumi pelbagai bidang. Contohnya, babad diraja yang menelusuri salasilah sesebuah kerajaan, syair romantis, hikayat yang berunsur pengembaraan dan fantasi, kitab-kitab agama, undang-undang, serta naskhah-naskhah panduan perubatan dan kesufian. Kebanyakan manuskrip ini tidak diketahui penulisnya dan tidak bertarikh, lantas menyukarkan kajian untuk mengenal pasti sejarah perkembangan naskhah-naskhah bertulis.

Hikayat

Perkataan hikayat berasal dari istilah bahasa Arab yang bererti 'cerita'. Ia secara tradisinya digunakan untuk menggambarkan pelbagai prosa naratif. Prosa naratif juga dikenali sebagai ceritera atau kitab. Sesetengah para sarjana telah menegaskan bahawa perkataan hikayat, seperti yang digunakan dalam beberapa karya sastera tradisional, bermaksud 'naratif', dan tidak semestinya merujuk kepada kewujudan manuskrip. Hal ini menunjukkan karya penulisan tradisional sepatutnya dibaca dengan lantang. Para pendengar umumnya mengharapkan cerita itu dapat memberi faedah dan/atau menghiburkan mereka. Yang diutamakan adalah cerita yang menegaskan nilai-nilai keagamaan atau kemasyarakatan, sementara yang selainnya adalah kisah-kisah indah yang menenangkan fikiran para pendengar dan mereka pula dibawa ke dunia yang berbeza.



Hikayat Raja Iskandar Zulkarnain

Disalin oleh Yahya bin Abdulwahid

1232H (1816/7), Melaka

Pinjaman daripada Persatuan Asiatik Diraja (Royal Asiatic Society) Britain dan Ireland, Farquhar 2

Hikayat Iskandar Zulkarnain merupakan antara karya sastera Melayu terawal. Ia merupakan terjemahan bahasa Melayu daripada teks Parsi yang mungkin dikarang pada awal abad ke-15. Terdapat banyak cerita berbentuk romantik tentang penakluk yang hebat ini di Eropah dan dunia Islam.

Dalam versi-versi Islam, beliau dikenali sebagai Iskandar Zulkarnain dan ditugaskan untuk menakluki dunia dengan bertujuan untuk menyebarkan agama Nabi Ibrahim, seorang pelopor Islam.




Hikayat Isma Yatim

Mungkin abad ke-18 hingga awal abad ke-19

Pinjaman daripada Perpustakaan British,
Add MS 12379

Hikayat Isma Yatim berkisar tentang Isma Yatim, seorang yang sejak kecil sudah mengarang hikayat. Hasil ketekunannya, beliau dilantik sebagai penasihat raja. Hikayat ini juga memaparkan kisah percintaan seorang raja dengan seorang puteri yang tersembunyi dalam sebuah batu nilam ajaib. Isma Yatim kemudiannya menyelamatkan puteri yang hamil itu dari fitnah isteri pertama raja itu. Karya ini penuh dengan pemerian tentang benda-benda, manusia dan tempat-tempat yang indah belaka bertujuan untuk menenangkan hati si pendengar.



Hikayat Cekel Waneng Pati

Disalin oleh Muhammad Bakir

Pinjaman daripada Perpustakaan Universiti Leiden,
Or. 3245

Ini adalah antara kisah Panji yang terkenal. Kisah-kisah Panji berdasarkan kisah cinta antara putera Kuripan, Raden Panji Inu Kertapati, dan puteri Daha, Galuh Candra Kirana. Dalam kisah ini, Raden Inu menyamar diri sebagai orang biasa yang bernama Cekel Waneng Pati, seorang penghuni hutan yang menyelamatkan Candra Kirana.

Manuskrip ini disalin oleh Muhammad Bakir (aktif 1884-1898), ahli keluarga Fadli yang menguruskan sebuah perpustakaan pinjaman di daerah Pecenongan, Batavia (Jakarta).

Muhamad Bakir seorang penulis yang produktif, 26 buah manuskrip yang telah diketemukan dipercayai dihasilkan oleh beliau. Pada abad ke-19, perpustakaan-perpustakaan sebegini mula dibina di beberapa pusat bandar seperti Batavia (Jakarta), Semarang, Palembang dan Melaka.



Hikayat Badrul Muin

Raja Aisyah binte Raja Haji Sulaiman

30 Syaaban 1308H (9 April 1891)

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura.
B16331037B

Kebanyakan manuskrip Melayu tradisional yang masih bertahan tidak menyatakan nama penyalin atau pengarangnya. Bagi yang berbuat demikian, selalunya memaparkan nama lelaki. Nama pengarang wanita jarang sekali dinyatakan, seperti dalam manuskrip ini. Kolofon tersebut menyatakan

bahawa karya ini dikarang oleh Raja Aisyah (sekitar 1870-1925) dari Pulau Penyengat, Riau. Beliau adalah cucu kepada Raja Ali Haji, seorang putera Bugis-Melayu yang merupakan ahli sejarah dan pengarang terkenal. Hikayat ini, yang juga dikenali sebagai Hikayat Syamsul Anuar, adalah karya pertama Raja Aisyah.

Syair

Syair merupakan puisi yang terdiri dari serangkap empat baris di mana penghujung setiap baris pula berirama. Walaupun asal usul syair ini masih didebat hingga ke hari ini, ia kerap dikaitkan dengan Hamzah Fansuri, seorang ahli sufi abad ke-16 yang berasal dari Sumatera. Pada awalnya, ia mungkin digunakan untuk tujuan keagamaan, tetapi menjelang abad ke-18, syair merangkumi tajuk-tajuk yang pelbagai seperti kisah percintaan, peristiwa-peristiwa bersejarah, nasihat dan sebagainya. Bentuk sastra ini terus kekal popular meskipun dengan kemunculan bidang percetakan di rantau ini pada lewat abad ke-19. Salah satu sebab yang menjadikan syair begitu popular ialah bait-baitnya yang menyerupai percakapan seharian. Oleh itu, ia lebih mudah digubah, dibaca atau didendangkan dan didengar.



Syair Perang Mengkasar


Disalin oleh Cornelia Valentijn

1710, Ambon

Pinjaman daripada Perpustakaan Universiti Leiden,
Cod. Or 1626

Syair Perang Mengkasar merupakan sebuah contoh syair sejarah. Ia menceritakan pertikaian antara Syarikat Hindia Timur Belanda dengan Kerajaan Makassar (1666–69) yang berlaku akibat perdagangan rempah ratus. Syair ini dikarang

sekitar tahun 1669/70 oleh Enci' Amin, seorang jurutulis di istana Sultan Hasanuddin di Makassar.



Syair Ken Tambuhan

Sekitar abad ke-19

Pinjaman daripada Perpustakaan Universiti Leiden,
Cod. Or 1965

Syair romantik ini menceritakan kisah percintaan antara Ken Tambuhan dengan Raden Inu Kertapati, yang berdasarkan kisah masyhur Panji dari Jawa. Percintaan mereka tidak direstui oleh ibu Raden Inu. Beliau merancang untuk memisahkan mereka dan akhirnya membunuh Ken Tambuhan. Apabila

mayat Ken Tambuhan dijumpai oleh Raden Inu, beliau pengsan lalu membunuh diri. Dengan kuasa Tuhan, pasangan ini telah dihidupkan kembali dan mereka akhirnya berkahwin.

Syair romantik yang menyelitkan unsur ketegangan dan kisah-kisah menyentuh perasaan yang berkisar pada tema cinta dan keluarga ini, mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Para ilmuwan Melayu menganggap syair-syair sebegini sebagai remeh dan berupaya untuk mengalih perhatian seseorang dari tumpuan ilmu agama.



Syair Dendang Siti Fatimah

15 Ramadan 1250H (15 Januari 1835), Pattani, Thailand Selatan


Pinjaman daripada Muzium Tamadun Asia

1999-02644

Ini adalah manuskrip Melayu yang luar biasa: ia berbentuk buku lipat, dan ia ditulis dengan dakwat putih pada latar belakang hitam. Gaya manuskrip ini biasa dilihat di Thailand dan Myanmar. Kolofon menyatakan bahawa teks ini ditulis di Pattani (selatan Thailand). Manuskrip ini mengandungi puisi, Syair Dendang Siti Fatimah iaitu tentang Fatimah, anak perempuan Nabi Muhammad. Ia masih dinyanyikan di beberapa bahagian Indonesia dan utara Malaysia, pada upacara yang berkaitan dengan kelahiran anak.

Kronikal/Babad-babad

Sejarah sesebuah pemerintahan biasanya dicatat dalam bentuk bertulis, kerana ia bertujuan untuk menonjolkan kuasa dan pengaruh kerajaan pada zaman itu. Kisah-kisah ini selalunya berkisar tentang asal usul sesebuah kerajaan itu dan kaitannya dengan pengasas-pengasas legenda. Walaupun pada hakikatnya, para penulis kisah-kisah ini menghasilkan karya mereka untuk mengagungkan dan memenuhi kepentingan kerajaan tertentu, naskhah-naskhah ini sebenarnya agak kabur jika dilihat dari segi ketepatan tarikh dan peristiwa-peristiwa bersejarah. Bagaimanapun, sebagai mitos politik, karya-karya ini menggambarkan tentang keprihatinan-keprihatinan pemerintah istana menerusi versi sejarah mereka sendiri.



Hikayat Raja Pasai

20 Muharram 1235H (8 November 1819)

Pinjaman daripada Persatuan Asiatik Diraja (Royal Asiatic Society) Britain dan Ireland, Raffles 67

Hikayat Raja Pasai dipercayai telah dikarang pada abad ke-15. Hikayat ini dianggap antara babad diraja Melayu yang terawal.

Kerajaan Samudera-Pasai yang diasaskan pada abad ke-13 di utara Sumatera ini merupakan kerajaan Islam yang pertama di Asia Tenggara. Hikayat Raja Pasai meriwayatkan asal usul kerajaan Pasai dan turut menceritakan hubungan Pasai dengan kerajaan dan masyarakat di sekitar rantau

Nusantara – terutama sekali hubungan dengan Empayar Majapahit di Jawa.

Naskhah Hikayat Raja Pasai ini merupakan salah satu daripada dua naskhah yang diketahui masih wujud dan ia disalin khusus untuk Stamford Raffles pada 1819. Ia berdasarkan naskhah yang dipinjamkan kepadanya oleh pemangku kerajaan Demak, Jawa.



Daftar Sejarah Cirebon

1230H (1814/5)

Pinjaman daripada Persatuan Asiatik Diraja (Royal Asiatic Society) Britain dan Ireland, Raffles Malay 30

Kesultanan Cirebon, yang terletak di pantai Jawa, telah didirikan pada abad ke-15 oleh Sunan Gunung Jati. Manuskrip ini mengandungi salasilah raja-raja Cirebon, yang mengesan asal-usul mereka ke Sunan Gunung Jati yang dipercayai keturunan Nabi Muhammad. Sunan Gunung Jati (juga dikenali sebagai Syarif Syekh Nuruddin) merupakan seorang wali yang paling disegani di antara wali songo (sembilan wali) yang juga bertanggungjawab menyebarkan Islam di seluruh tanah Jawa.



PASARAN BAGI MANUSKRIP



Pada masa ini, terdapat sekitar 10,000 manuskrip Melayu yang diketahui wujud. Pada awal abad ke-19, Abdul Kadir dan anaknya, Munshi Abdullah, menghadapi kesukaran untuk memperolehi manuskrip Melayu. Kesukaran ini mungkin berpunca daripada kesulitan mendapatkan naskhah-naskhah itu, yang selalunya disimpan di istana oleh golongan bangsawan atau penglipur lara. Keupayaan untuk memperolehi sesuatu manuskrip pula bergantung kepada rapat tidaknya hubungan seseorang itu dengan mereka.

Ramai sarjana menyifatkan Stamford Raffles (1781–1826) sebagai individu yang telah menimbulkan permintaan ramai untuk karya-karya ini. Raffles mula membeli manuskrip dan mengupah sekumpulan jurutulis untuk menyalin semula naskhah yang dipinjamnya. Pada masa yang sama, pihak Belanda juga giat mengumpulkan manuskrip. Pada lewat abad ke-18 dan awal abad ke-19, para pentadbir dan sarjana Eropah mula mengumpul manuskrip Melayu untuk mempelajari bahasa serta memahami budaya masyarakat tersebut. Ini akan mempermudah mereka untuk mentadbir rantau ini atau untuk tujuan kegiatan mubaligh mereka. Pengumpulan manuskrip ini bukan sahaja mengakibatkan kewujudan pasaran komersial untuk manuskrip, malah, ia telah membawa banyak manuskrip Melayu ke pelbagai perpustakaan di Eropah.



Hikayat Parang Puting

Disalin oleh Ibrahim Kandu

29 Syawal 1220H (20 Januari 1806), Penang

Koleksi Perpustakaan British, MSS Malay D 3

Kolofon yang terdapat di dalam hikayat ini menamakan Tuan Mister Raffles – Stamford Raffles (1781–1826) sebagai pemilik manuskrip ini dan ia telah ditulis oleh Ibrahim. Ibrahim Kandu (b. 1780) telah diupah oleh Raffles untuk menyalin manuskrip-manuskrip Melayu. Beliau merupakan seorang Melayu

berketurunan Tamil Chulia yang menetap di pulau Prince of Wales (Pulau Pinang). Nama beliau sering ditemui dalam naskhah-naskhah manuskrip yang dimiliki Raffles. Raffles telah mempelajari bahasa Melayu sewaktu dalam pelayarannya dari England ke pulau itu pada tahun 1805.



Surat beriluminasi dari Sultan Syarif Kasim kepada Raffles

Februari 1811

Pinjaman daripada Perpustakaan British, Mss Eur.D.742/1, f 33a

Sultan Syarif Kasim (1766–1819) dari kerajaan Pontianak di Kalimantan telah mengirim surat ini kepada Stamford Raffles (1781–1826). Sebahagian besar kandungan surat ini ialah mengenai permintaan bantuan Sultan Syarif Kasim daripada pihak British untuk menentang musuh mereka, Sultan Sambas. Pada akhir surat ini disebut bahawa Sultan Syarif Kasim akan menghantar dua naskhah manuskrip yang diminta oleh Raffles, iaitu naskhah undang-undang dan naskhah Hikayat Raja Iskandar. Raffles seorang yang amat berminat mengumpulkan manuskrip-manuskrip Melayu.

❧ DARIPADA YANG TERTULIS KEPADA YANG TERCETAK ❧

Buku terawal yang diterbitkan di Asia Tenggara oleh seorang pencetak Melayu/Islam merupakan sebuah Qur'an yang dicap di Palembang pada 1854. Pencetak berkenaan telah membeli mesin cetak batu dari Singapura. Berdasarkan tarikh naskhah-naskhah yang dicetak, jelaslah bahawa percetakan Melayu/Islam di Singapura telah pun wujud sejak tahun 1860. Singapura terus berkembang menjadi pusat percetakan buku-buku Melayu/Islam yang kemudian diedarkan ke seluruh alam Melayu.

Pencetak-pencetak awal Melayu/Islam ini telah berkembang menggantikan budaya penyalinan manuskrip. Pada asasnya, teknik cap batu dapat menghasilkan semula salinan format manuskrip, tetapi dengan bilangan yang banyak dan kos yang sederhana. Seperti manuskrip awal, hikayat dan syair yang dicetak secara besar-besaran juga dibacakan atau didendangkan di depan khalayak ramai. Namun, satu perbezaan utama ialah kesukaran untuk mendapatkan manuskrip sementara naskhah-naskhah yang dicetak pula lebih mudah diperolehi dan dijual secara meluas. Lama kelamaan, perkembangan dunia percetakan dan pendidikan moden mempengaruhi interaksi seorang pembaca dengan naskhah-naskhah yang dicetak. Ini akhirnya membawa kepada terkuburnya tradisi manuskrip.



Hikayat Abdullah

Abdullah bin Abdul Kadir

1849, Singapura

Disumbangkan oleh George Frederick Hose

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura,
B03014389F

Abdullah bin Abdul Kadir (sekitar 1797-1854), lebih dikenali sebagai Munsyi Abdullah, merupakan seorang ilmuwan dan penterjemah. Beliau dianggap sebagai perintis dunia percetakan Melayu. Abdullah

telah belajar mencetak dari mubaligh Walter Medhurst (1796-1857) semasa beliau di Melaka.

Banyak buku yang dicetak oleh percetakan mubaligh di Melaka dan Singapura yang melibatkan Abdullah sebagai penterjemah atau penyunting. Abdullah juga mengarang karya-karya baru untuk diterbitkan, menjadikan beliau orang bukan Eropah pertama yang mencetak karya dalam bahasa Melayu. Karya beliau yang paling terkenal adalah autobiografinya, *Hikayat Abdullah*, yang diterbitkan pada tahun 1849. Abdullah bukan sahaja mengarang karya itu, tetapi juga menulis dengan tangan sebelum menghasilkannya melalui proses litografi.

Kitab, Hikayat, Syair

Pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, pencetak awal Melayu/Islam juga memikul tugas sebagai penjual buku. Pada masa itu, tidak ada istilah umum untuk 'buku' maka pencetak sering menggunakan perkataan 'kitab, hikayat, syair' untuk mengiklankan produk mereka. Perkataan kitab bukan sahaja merangkumi risalah agama tetapi juga buku rujukan seperti kamus. Kadangkala, pencetak juga menggunakan perkataan kitab untuk merujuk kepada buku secara umum. Istilah neutral buku digunakan secara meluas di Singapura pada abad ke-20. Oleh kerana penerbit Melayu/ Islam beroperasi sebagai perusahaan komersial, penghasilan mereka mencerminkan trend membaca di kalangan masyarakat. Pada fasa awal percetakan Melayu/Islam, kebanyakan buku yang dihasilkan adalah karya-karya berbentuk keagamaan. Dari tahun 1870an dan seterusnya, dari segi bilangan edisi yang dicetak, syair dan hikayat merupakan sebahagian besar yang dicetak. Syair merupakan karya sastra paling popular pada abad ke-19. Ia begitu popular sehingga hikayat dan karya-karya keagamaan juga dipuisikan untuk menarik perhatian orang ramai



Inilah Kitab Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtadi

Dicetak oleh Haji Muhammad Taib

20 Muharram 1313H (12 Julai 1895), Singapura

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura
B29362089F

Buku ini mengandungi karya Sheikh Daud bin 'Abd Allah al-Fatani (sekitar 1769-1847) mengenai asas-asas Islam dan kewajipan agama. Sheikh Daud

adalah seorang sarjana Islam tersohor dari Patani yang menghabiskan masanya di Makkah. Karya-karyanya meliputi pelbagai tajuk termasuk undang-undang Islam, sufisme dan panduan solat. Sheikh Daud mempunyai jaringan pelajar dan sarjana yang kuat yang menggunakan karyanya untuk mengajar di pondok (sekolah Islam tradisional) di seluruh alam Melayu.



Hikayat Bakhtiar

Dicetak oleh Haji Muhammad Siraj

25 Rabiulakhir 1305H (9 Januari 1888)

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura B03013464J

Hikayat Bakhtiar adalah cerita berbingkai yang terkenal yang terdapat dalam kedua-dua manuskrip dan buku bercetak. Kulit bukunya menyatakan ia mengandungi 10 cerita indah dan ghaib.

Hikayat ini bermula dengan kisah seorang raja yang melarikan diri ke hutan bersama isterinya demi mengelakkan pertumpahan darah dari berlaku kerana saudara lelakinya berhasrat untuk menjatuhkannya. Kedua raja dan permaisuri ini berpisah dengan anak mereka, Bakhtiar dan terpaksa meninggalkannya di dalam hutan. Bakhtiar membesar menjadi pegawai istana dan apabila beliau dihukum bunuh kerana difitnah bermukah dengan gundik raja, beliau cuba menyelamatkan diri dengan menceritakan kisah-kisah yang bersambung. Hikayat ini adalah penceritaan semula kisah yang berasal dari Parsi iaitu Bakhtiar-nama.



Syair Panji Semirang

Dicetak oleh Haji Muhammad Siraj

Safar 1306H (Februari-Mac 1888)

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura B18153077J

Syair Panji Semirang merupakan syair yang berdasarkan kisah Panji. Kisah Panji biasa merangkumi pengembaraan kedua wira (Raden Inu) dan srikandi (Candra Kirana) yang mengenakan pelbagai penyamaran dan nama-nama baru. Dalam kisah ini, Candra Kirana menyamar sebagai seorang lelaki yang bernama Panji Semirang.

Cerita Panji Semirang sangat terkenal - terdapat banyak manuskrip yang masih bertahan dan beberapa edisi syair ini telah dicetak. Pada awal abad ke-20, kisah ini sering dipersembahkan di pementasan bangsawan. Kemudian pada tahun 1961, cerita itu juga dikisahkan semula dalam filem.

Pencetak Awal

Percetakan buku Melayu/Islam awal di Singapura dikuasai oleh usahawan-usahawan berketurunan Jawa. Banyak kedai percetakan ditubuhkan berhampiran dengan Masjid Sultan di Kampong Gelam kerana kawasan itu merupakan tempat perhimpunan untuk bakal pelanggan – mereka yang menunaikan solat Jumaat atau jemaah yang berkumpul untuk pergi ke Makkah. Berdasarkan karya sarjana Ian Proudfoot yang menyusun inventori buku Melayu awal yang dicetak sehingga tahun 1920, tiga pelopor penting di kalangan masyarakat Melayu/Islam ialah Haji Muhammad Said, Haji Muhammad Siraj dan Haji Muhammad Taib.



Hambalah yang Bernama Shaer Pantun Seloka Adanya

1900, Singapura

Dicetak oleh Haji Muhammad Said

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura. B18153100H

Haji Muhammad Said bin Haji Muhamad Arsyad dan anak-anaknya mengendalikan pusat percetakan Melayu yang paling berjaya pada lewat abad ke-19. Keturunannya dapat dikesan ke Semarang, sebuah kota di utara Jawa.

Seperti yang disebutkan dalam buku ini, kedai Muhammad Said terletak di hadapan Masjid Sultan. Beliau mula mencetak buku pada tahun 1870an, dan pada tahun 1910an, beliau telah menerbitkan sekitar 200 judul buku. Beliau banyak mencetak syair dan hikayat yang terkenal. Perniagaannya di Singapura berkembang dan beliau mendirikan sebuah kedai di Pulau Pinang pada tahun 1892, yang dikendalikan oleh anaknya, Majtahid.

Pemasaran dan Hakcipta

Pencetak buku Melayu awal juga menjual buku. Mereka sering mengiklankan tajuk-tajuk buku mereka yang terkini atau yang akan datang pada halaman pertama atau akhir dalam sesebuah buku dan mengundang pembaca untuk mengunjungi kedai mereka. Beberapa pencetak seperti Haji Muhammad Siraj juga memasukkan iklan di akhbar-akhbar, ini sering dilakukannya dalam akhbar mingguan Jawi Peranakan dari 1897 hingga 1898. Selain itu, Muhammad Siraj mencetak katalog buku percuma yang menyenaraikan tajuk-tajuk buku dan harganya, dan beri panduan untuk menempah buku melalui pos. Pencetak merangkap penerbit itu mempunyai rangkaian ejen di beberapa pusat bandar untuk mengambil pesanan buku.

Pada tahun 1886, pemerintah Negeri-Negeri Selat mengisytiharkan Ordinan Pendaftaran Buku. Undang-undang ini memerlukan pencetak daripada Negeri-Negeri Selat untuk mendaftarkan penerbitan mereka dengan pejabat setiausaha kolonial dan menyerahkan tiga salinan bagi setiap penerbitan mereka. Daripada tiga salinan itu, satu dihantar ke Muzium British, yang kedua ditinggalkan dengan setiausaha kolonial, dan yang ketiga disimpan di Perpustakaan dan Muzium Raffles.



Perang Yarmuk

Dicetak oleh Haji Muhammad Taib

3 Rabiulakhir 1311H (13 Oktober 1893)

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura B29362094B

Kolofon yang terdapat di bahagian bawah halaman yang dipaparkan memaklumkan pembaca bahawa karya ini telah berdaftar dengan kerajaan. Ia juga menyatakan bahawa ia adalah sambungan kisah Futuh al-Syam, kisah tentang penaklukan Syria oleh tentera Islam awal.

Di bawah Ordinan Pendaftaran Buku, pendaftaran buku harus dilaporkan dalam warta kerajaan setiap suku tahun. Buku Perang Yarmuk (Prang Yar Mook) dilaporkan dalam Warta Pemerintah Negeri-Negeri Selat pada 19 Januari 1894.



Syair Abdul Muluk Isterinya Siti Rafi'ah

Dicetak oleh Haji Muhammad Amin

5 Zulkaedah 1311H (9 Mei 1894), Singapura

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura,
B29362100A

Berdasarkan inventori yang dikumpulkan oleh sarjana lan Proudfoot, buku-buku yang paling terkenal pada abad ke-19 adalah pengembaraan berunsur romantik. Syair Abdul Muluk adalah salah satu buku Melayu yang terlaris. Terdapat lebih daripada 20 edisi yang dicetak oleh pelbagai penerbit. Syair Abdul

Muluk menceritakan kisah Siti Rafi'ah, yang meninggalkan anaknya dan menyamar sebagai seorang lelaki. Beliau berjuang untuk menyelamatkan suaminya serta isteri pertamanya dari tahanan. Unsur Islam yang kuat dalam syair ini dan cerita-cerita terkenal yang lain menunjukkan bahawa nilai-nilai sedemikian menarik hati pembaca dahulu.

Kemerosotan

Singapura menguasai industri percetakan buku Melayu/Islam pada abad ke-19. Walau bagaimanapun, lama-kelamaan, bandar-bandar lain di semenanjung Malaya seperti Pulau Pinang, muncul sebagai pusat percetakan baru. Menjelang abad ke-20, industri percetakan Singapura mula merosot disebabkan oleh sejumlah besar buku litograf dan tipograf yang diimport dari Makkah, Kaherah, Istanbul dan Bombay. Buku-buku ini bukan sahaja lebih bermutu, malah disanjung berbanding dengan karya-karya tempatan kerana ia dibawa dari nusa teras Islam.

Di samping itu, zaman tersebut juga menyaksikan satu peralihan dalam pilihan para pembaca iaitu ke arah buku tipografi kerana ia dianggap lebih jelas dari segi visual. Sebelum ini, hanya suratkhbar dan buku yang dicetak untuk sekolah-sekolah diaturnya dalam huruf Jawi. Tidak seperti litografi, tipografi memerlukan pelaburan modal yang lebih tinggi yang tidak dimampui oleh kebanyakan pencetak tempatan.



Kitab yang Bernama Masalah Seribu

Dicetak oleh Matba'ah Al-Turki Al-Majid

1330H (1911/2), Mekah


Disumbangkan oleh Richard Olaf Winstedt

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura
B32407992C

tempat seperti Bombay dan Kaherah. Pada pertengahan tahun 1880an, Makkah juga mencetak buku-buku Melayu, dan ini mula diedarkan di Singapura pada tahun 1887. Cetakan-cetakan asing ini membanjiri pasaran tempatan Asia Tenggara dari 1920 dan seterusnya. Ketibaan sejumlah besar buku-buku agama yang dicetak di Makkah ke Asia Tenggara ini membantu mengubah persepsi para pembaca Melayu tempatan tentang buku-buku yang dicetak dalam bahasa Melayu. Sebelum ini, mereka sering mengaitkan percetakan buku-buku Melayu dengan buku-buku yang dihasilkan oleh percetakan orang Kristian.

Kesusasteraan Melayu di Sekolah

Dari tahun 1890an, kerajaan British menggalakkan pendidikan gaya Eropah kepada penduduk setempat. Richard James Wilkinson (1867-1941), yang dilantik sebagai pemeriksa sekolah persekutuan pada tahun 1903, mengeluh tentang kurangnya bahan bacaan pendidikan bahasa Melayu yang berkualiti. Beliau memulakan pengeluaran Siri Kesusasteraan Melayu (1906) untuk menyelesaikan masalah ini dan menggalakkan penggunaan tulisan rumi. Terdapat 20 tajuk dalam siri ini pada tahun 1920. Pemilihan karya-karya itu mencerminkan citarasa penyunting dan terdapat pelbagai karya sastera – karya dari kesusasteraan mahkamah seperti Sulalat al-Salatin kepada cerita-cerita rakyat dan dongeng berdasarkan tradisi-tradisi lisan. Tajuk-tajuk laris yang dicetak oleh penerbit Melayu / Islam tempatan tidak dimasukkan dalam siri ini. Generasi pelajar di Singapura dan Malaysia diperkenalkan kepada kesusasteraan Melayu tradisional melalui siri ini.



Sejarah Melayu

Disunting oleh William Shellabear

1930, Singapura

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura B02901108J

Kebanyakan pentadbir dan mubaligh pada zaman kolonial melihat Sejarah Melayu sebagai kisah kesultanan Melaka yang boleh dipercayai. Oleh itu, tidak mengejutkan apabila buku-buku ini menjadi antara yang pertama dihasilkan sebagai buku teks.

Penggunaan Sejarah Melayu sebagai buku teks mempunyai kesan yang mendalam. Teks sejarah diraja yang mengandungi salasilah raja-raja Melaka ini, secara tradisinya, dimaksudkan untuk dibaca di istana. Apabila ia kini digunakan untuk semua pelajar Melayu dalam bilik darjah, unsur simbolik dan kesucian teks tersebut terus terhakis.



KISAH-KISAH MALAR SEGAR



Walaupun sebahagian daripada kita mungkin tidak begitu mengetahui tentang kesusasteraan Melayu tradisional, terdapat kisah-kisah yang telah bertahan berabad lamanya. Di bahagian ini, kita akan meneroka tiga karya yang malar segar, iaitu Sulalat al-Salatin (atau lebih dikenali sebagai Sejarah Melayu), Hikayat Hang Tuah dan Hikayat Pelanduk Jenaka.

Sulalat al-Salatin

Sulalat al-Salatin mengandungi kisah tentang jatuh bangun Kesultanan Melaka (sekitar 1400-1511). Lebih dikenali sebagai Sejarah Melayu, ia dianggap sebagai salah satu karya paling penting dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Karya-karya ini dipercayai diperoleh dari senarai raja-raja dan kerajaan mereka dan kemudiannya dijelaskan melalui cerita-cerita. Walaupun tarikh karya ini masih dibahaskan, manuskrip tertua dan masih bertahan hingga ke hari ini ialah manuskrip yang dihasilkan pada tahun 1612 Masihi bersamaan 1021 Hijrah. Sesetengah sarjana percaya bahawa teks ini telah dikarang untuk menyokong sultan-sultan Melaka-Johor (dan kemudiannya Riau) untuk menuntut kekuasaan, kerana mereka telah dipaksa keluar dari Melaka oleh pihak Portugis pada tahun 1511.

Bukan sekadar salasilah diraja, Sulalat al-Salatin adalah teks yang rumit dan berbilang aspek yang mengandungi butiran mengenai tataurus negara Melayu dan sifat kosmopolitan masyarakat awal Melaka.

Sulalat al-Salatin juga mengandung cerita tentang sejarah Singapura awal seperti Sri Tri Buana (Sang Nila Utama) yang menubuhkan Singapura, dan kisah serangan todak. Di dalam Sulalat al-Salatin, Singapura adalah salah satu daripada ibu kota negara-negara sultan Melayu yang mempunyai sebuah pelabuhan dan pangkalan tentera laut yang besar.



Sulalat al-Salatin

Mungkin abad ke-17

Pinjaman daripada Persatuan Asiatik Diraja (Royal Asiatic Society) Britain dan Ireland

Raffles M18

Salinan khusus ini – yang dikenali sebagai Raffles 18 – pernah dimiliki oleh Stamford Raffles, dan dipercayai sebagai salah satu semakan teks asal yang terawal. Kata pengantarnya menyebut tarikh karangan karya ini pada tahun 1612 Masihi bersamaan 1021 Hijrah dan menyebut bahawa penaungnya adalah Sultan Ala'uddih Ri'ayat Shah dari Johor.

Hikayat Hang Tuah

Kisah pahlawan Melaka purba, Hang Tuah, adalah antara yang paling terkenal dalam sejarah dan kesusasteraan Melayu. Berlatarbelakangkan era kesultanan Melaka (sekitar 1400-1511), hikayat ini menceritakan kisah seorang budak kecil dari keluarga miskin yang menjadi laksamana yang setia kepada raja Melaka apabila dewasa. Hang Tuah bukan sekadar panglima yang mantap, tetapi juga seorang penasihat yang bijak dan seorang utusan yang hebat yang berlayar ke tempat-tempat yang jauh, dan akhirnya menjadi ahli sufi. Ada yang percaya bahawa Hang Tuah adalah tokoh sejarah yang benar-benar wujud, dan kesahihan identitinya masih diperdebatkan.

Hikayat Hang Tuah serat dengan perincian tentang persekitaran istana serta kehidupan seharian di Melaka purba. Ia dipercayai telah dikarang pada abad ke-17. Sarjana Boris Borisovitch Parnickel menyatakan bahawa Hikayat Hang Tuah mencerminkan peristiwa yang berlaku di abad ke-17 Johor: Persaingan antara Melaka dan Majapahit seperti yang digambarkan dalam hikayat ini adalah alegori mengenai pertikaian yang sebenar antara Johor dan Jambi. Para sarjana lain pula telah menyelidik hubungan antara Hang Tuah dengan rajanya; bagaimana kehidupan mereka melambangkan nasib Melaka; dan hikayat ini sebagai karya didaktik atau sebagai teks geografi.



Hikayat Hang Tuah

Disalin oleh Mir Abdul Latif

Rabiulawal 1172H (November 1758)

Pinjaman daripada Perpustakaan Universiti Leiden, Cod. Or 1762

Manuskrip ini adalah salinan tertua Hikayat Hang Tuah. Cerita ini berakhir dengan penangkapan Melaka yang dijajah Portugis oleh pihak Belanda dan orang Melayu Johor. Peristiwa penutup sejarah ini (1641) ditemui dalam kebanyakan manuskrip Hikayat Hang Tuah yang masih bertahan.


Selain tarikh dan nama penyalin, kolofon juga menyatakan bahawa Hang Tuah terkenal dan keberaniannya tidak dapat ditandingi di tanah Melayu dan Jawa; dia juga sangat pintar dan setia kepada tuannya; dan jika seseorang merasa sedih, membaca hikayat ini boleh menghilangkan emosi tersebut.

Cerita-cerita Pelanduk/Sang Kancil

Kisah-kisah Sang Kancil atau pelanduk yang memperdayakan haiwan-haiwan lain walaupun berbadan kecil memang terkenal di Asia Tenggara. Kisah-kisah sedemikian merupakan sebahagian daripada tradisi lisan alam Melayu, yang juga dijadikan sebagai sastera penulisan. Karya penulisan Melayu terawal dan yang masih wujud tentang pelanduk ialah Hikayat Pelanduk Jenaka yang dikarang pada pertengahan abad ke-17 dan disimpan di Bibliothèque Nationale de France (Perpustakaan Negara Perancis).

Di dalam Hikayat Pelanduk Jenaka, pelanduk menipu haiwan-haiwan lain dengan memperdayakan mereka bahawa ia mempunyai kuasa mistik yang luar biasa dan menggelarkan dirinya sebagai Syekh Alam di Rimba. Sarjana Ian Proudfoot telah menyediakan analisis yang sangat menarik mengenai versi awal hikayat ini: bagaimana ia merupakan kisah yang mencabar pihak berkuasa, dan bagaimana orang ramai boleh diperdayakan bahawa mereka memerlukan tokoh yang berkuasa. Baginya, kisah itu adalah satira politik.

Pada awal abad ke-20, cerita lisan pelanduk juga ditulis, diringkaskan dan dibukukan sebagai buku teks sekolah. Versi lisan adalah cerita muslihat, tidak seperti versi epik yang terdapat dalam hikayat. Hari ini, kisah-kisah pelanduk yang licik itu disusun semula sebagai sastera kanak-kanak.



Hikayat Pelanduk

1219H (1804/5), Pulau Pinang atau Kedah

Pinjaman daripada Perpustakaan British

MSS Malay B2

Hikayat ini bermula dengan menerangkan tempat tinggal sang pelanduk – di dalam hutan berhampiran gunung bernama Inderakila. Hutan itu dipenuhi dengan buah-buahan dan oleh itu, ia juga didiami banyak haiwan. Pelanduk mengaturkan sebuah perdamaian antara dua musuh iaitu harimau-harimau dan kambing-kambing. Sejak itu, bermulalah pengembaraan pelanduk untuk menipu haiwan-haiwan lain seperti sang buaya, gajah dan monyet.

 BIBLIOGRAFI

Ding, C. M. (2008). *Manuskrip Melayu : sumber maklumat peribumi Melayu*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Call No.: 091.0899928 DIN

Ding, C. M. (1999). *Raja Aisyah Sulaiman : pengarang ulung wanita Melayu*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Call No.: 899.221809287 DIN

Liaw, Y. F. (1975). *Sejarah kesusasteraan Melayu klasik*. Singapura : Pustaka Nasional. Call No.: 899.2300902 LIA

Liaw, Y. F. (2003). *Undang-undang Melaka ; dan, Undang-undang laut*. Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan. Call No.: 340.09595 UND

Osman, T. (1974). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur : Federal Pub. Call No.: 899.2300901 MUH

Sweeney, A. (2008). *Karya lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. Jilid 3, Hikayat Abdullah*. Jakarta : Perpustakaan Nasional RI. Call No.: 959.5 KAR

————— Terima kasih atas kunjungan anda ke pameran ini —————